

TARIKH : 8 MAC 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 13

## Pelaksanaan Belanjawan 2023 garis aspek kemanusiaan, kejiwaan

# Pelaksanaan Belanjawan 2023 garis aspek kemanusiaan, kejiwaan

<p><b>Mohammad Abdul Hamid,</b> Ketua Kluster Kemakmuran Ekonomi Pertubuhan IKRAM Malaysia</p>	<p>Belanjawan 2023 dibentangkan ketika negara sedang melalui fasa perubahan yang tertetus selepas berlangsung Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) pada November lalu. Tiga tekad Belanjawan 2023 meletakkan batu asas yang penting untuk melaksanakan perubahan yang diperlukan untuk mencapai kemakmuran buat semua.</p>	<p>lui intervensi berasaskan bukti (<i>evidence-based</i>) demi membuahkan hasil dan impak yang berkesan. Untuk mencapai hasrat ini, kaedah penilaian secara rawak (<i>randomised evaluation</i>) yang diiktiraf sebagai standard emas mengikut piawai antarabangsa wajar dilaksanakan.</p>	<p>Amalan menyumbang (filantropi) dalam kalangan golongan berkemampuan dan komuniti usahawan hendaklah dibudayakan melalui institusi yang ditadbir secara sistemik dan sistematik. Umpamanya, kaedah berwakaf dijadikan sebagai mekanisme pengagihan semula kekayaan yang menyumbang kepada kesejahteraan. Menerusinya, isu kos sara hidup dan inflasi dapat ditangani dan seterusnya beban kewangan kerajaan dapat diringankan.</p>
	<p>Tiga tekad itu ialah pemacuan ekonomi yang terangkum dan mampan, reformasi institusi dan tata kelola bagi memulihkan keyakinan dan keadilan sosial untuk menyederhanakan kesenjangan. Penekanan Belanjawan 2023 kepada isu kemiskinan dan kesenjangan adalah wajar. Lebih penting, isu ini hendaklah ditangani secara holistik melalui pendekatan yang manusiawi dan rahmah, menepati realiti dan hakikat kemiskinan itu sendiri.</p> <p>Pendekatan yang berdasarkan pembangunan manusia dan kemiskinan multidimensi sewajarnya dijadikan agenda utama untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan golongan rentan pasca pandemik COVID-19.</p> <p>Isu kemiskinan dan kesenjangan hendaklah ditangani dengan memupuk jiwa dan tingkah laku dalam kalangan golongan miskin dan seluruh anggota masyarakat, sektor awam, komuniti perniagaan dan pertubuhan (NGO) bukan kerajaan.</p> <p>Untuk itu, pendekatan tingkah laku (<i>behavioural economics</i>), khususnya yang berkait dengan peruntukan RM64 bilion berbentuk subsidi, bantuan serta insentif adalah disarankan.</p> <p>Pendekatan berkenaan dapat dilaksanakan melala-</p>	<p>Pendekatan yang memanfaatkan data ini membolehkan intervensi dan subsidi bersasar dilaksanakan, bertepatan dengan hasrat kerajaan.</p> <p><b>Tumpu kumpulan sasaran</b></p> <p>Pada masa sama, inisiatif untuk meningkatkan produktiviti dan inovasi golongan miskin hendaklah digiatkan, khususnya golongan berkemahiran rendah dan sederhana serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).</p> <p>Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dalam Belanjawan 2023 sewajarnya dirangka untuk mendorong kepada peningkatan produktiviti kumpulan sasaran.</p>	<p>Rakyat pula hendaklah sentiasa dipupuk dengan aspek kemanusiaan dan kejiwaan, umpamanya dengan memulihkan amalan menyumbang dan mengelakkan pembaziran.</p> <p>Sifat utama yang digariskan dalam Belanjawan 2023 iaitu amanah, kejujuran dan ketelusan adalah prinsip pedoman yang penting untuk semua rakyat, khususnya kepimpinan di semua peringkat, membatik ahli politik serta seluruh jentera kerajaan.</p> <p>Sifat yang digariskan adalah kritikal untuk membanteras amalan rasuah dan penyelewengan, yang mengakibatkan ketirisan mencecah hampir RM3 bilion pada 2020 dan 2021.</p> <p>Secara keseluruhan, dalam realiti yang serba mencabar, Belanjawan 2023 sudah meletakkan asas yang baik dalam perencanaan jangka pendek negara.</p> <p>Pelaksanaan Belanjawan 2023 diharap mampu membuktikan kemampuan kerajaan untuk mewujudkan ekosistem ekonomi manusiawi yang mampan dan seterusnya, membangunkan Malaysia MADANI seperti diimpikan.</p>

“Dalam realiti yang serba mencabar, Belanjawan 2023 sudah meletakkan asas yang baik dalam perencanaan jangka pendek negara”